

Angka Melayu Sebelum Kedatangan Islam

SHAHARIR BIN MOHAMAD ZAIN

Pusat Pengajian Sains Matematik, Fakulti Sains dan Teknologi, Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia

Sekelumit sejarah Melayu praIslam

Istilah Melayu di dalam kertas ini perlu dijelaskan kerana tanah kediaman orang-orang Melayu, Asia Tenggara, berpecah-belah akibat ditakluki oleh penjajah (setengahnya silih berganti): Portugis, Sepanyol, Belanda, Inggeris, atau/dan Amerika Syarikat, malah Perancis, Thailand, atau/dan, daripada satu perspektifnya, Kemboja, Vietnam dan Cina. Secara ijmaknya memanglah dipersetujui bahawa orang-orang Melayu ialah sekurang-kurangnya bangsa pribumi/bumiputera yang diam di merata kawasan di Tenggara Asia ini yang dirujuki, oleh hampir semua penulis, sebagai Gugusan Kepulauan Melayu atau Alam Melayu itu. Perincian pertamanya tentang geografi dan aspek kebiopelbagaian di Kepulauan Melayu dilakukan oleh Wallace (1863) dan lebih komprehensif lagi menerusi bukunya yang terkenal, "*The Malay Archipelago*", yang pertama kali diterbitkan dalam tahun 1869 dan beberapa kali diulangcetak oleh berbagai-bagai penerbit dan yang terbarunya oleh *Oxford University Press* 1986. Berasaskan tabii kebiopelbagaian, beliau mentakrifkan Gugusan Kepulauan Melayu (atau yang beliau ingin namainya semula sebagai Gugusan Indo-Australia), sebagai "rantau Asia Tenggara yang hampir-hampir berbentuk segi tiga bermula di Pulau Nikobar di Timur Laut ke Pulau Solomon di Tenggara, dan dari Luzon di Utara ke Rotti dekat pulau Timor di Selatan", lalu dibahaginya kepada lima kumpulan: Kepulauan Indo-Malaya, Kepulauan Timor, Kepulauan Meluku dan Kepulauan Papua. Orang-orang Barat dahulu juga (abad ke-18M) sentiasa merujuk kawasan ini sebagai Gugusan Kepulauan India Timur atau Hindia Timur (nama syarikat yang berpusat di India), yang kedua-duanya tidak disukai oleh Wallace dan berpendapat lebih baik sahaja dinamai Gugusan Kepulauan Indo-Australia. Ternyata nama Gugusan Kepulauan Melayulah yang sesuai dan dapat diterima umum sebagaimana yang terpancar daripada nama makalah dan buku Wallace itu sendiri, kerana berasaskan rupa bangsa manusia di rantau ini yang dikelaskan sebagai orang-orang Melayu oleh orang-orang Barat sendiri sekurang-kurangnya sejak Marko Polo menceritakan pelayarannya melalui Rantau ini pada abad ke-13M lagi. Sesungguhnya Alam Melayu sebenarnya yang berasaskan pada bahasa adalah alam yang lebih luas lagi, iaitu merangkumi ASEAN, Madagaskar dan Taiwan (Lihat lampiran 1).

Takrif Melayu sebagai satu bangsa (ras, yang dicirikan oleh sifat-sifat jasmaninya) yang mendiami lama di rantau ini dan sebagai suatu etnik (dicirikan oleh kebudayaan) memang kontroversi, sama seperti takrif bangsa atau etnik yang lain juga kerana akhirnya semua bangsa adalah serumpun, iaitu daripada Nabi Adam atau daripada 85 pasang orang dalam kapal Nabi Noh itu. Tetapi Allah sendiri menegaskan bahawa Dia menjadikan manusia ini berbagai-bagai bangsa dan etnik untuk kenal-mengenal antara satu dengan yang lain (al-Quran, *Surah al-Hujarat* (49): 131), dan pembangunan sesuatu bangsa dan etnik itu mestilah dilakukan dalam acuan bangsa dan etnik itu (al-Quran, *Surah Ibrahim*: 4, dan *Surah Ali 'Imran*: 161). Oleh itu sesuai dengan *sunnatullah* ini, pentinglah kita mengenali tamadun Melayu dahulu kala dan seterusnya daripada kekuatan itu membina tamadun Melayu kontemporer. Malangnya, rupa bangsa dan etnik Melayu kini sudah tidak bitara lagi, dan mudah mengundang kontroversi lagi berbanding dengan bangsa atau etnik yang lain, kerana perubahan sejarah, geografi, politik negara-bangsa selepas penjajahannya. Sejak mereka dijajah itu minda orang-orang Melayu beransur-beransur berubah sehingga konsep rupa bangsanya, "Melayu" itu, sendiri pun turut berubah-ubah terutamanya akibat kebangkitan negara-negara baru di Gugusan Kepulauan Melayu ini, hasil daripada pembebasannya daripada penjajahnya yang berbeza-beza (waktu/dan bangsa), atau keruntuhannya dan kebangkitan negara-bangsa baru sama sekali seperti Malaya, Persekutuan Tanah Melayu, Sabah, Sarawak, Malaysia, Indonesia, Brunei, Singapura, Philippina/Filipina dan wilayah-wilayah dalam Thailand (seperti Patani), Kemboja, Vietnam (seperti Campa), Madagaskar, Taiwan dan lain-lainnya. Ekoran daripada itu, istilah Melayu di Malaysia sahaja pun sudah berubah semantikanya. Ini adalah satu daripada akibat Perlembagaan dan amalan politik Malaya/Persekutuan Tanah Melayu sejak 1957, Indonesia sejak 1945, serta rantau-rantau tradisi Melayu yang lain lagi yang masih berada di bawah jajahan Inggeris sehingga 1963 seperti Singapura (yang menjadi negara-bangsa tersendiri pula selepas 1965), Sabah dan Sarawak (sehingga menganggotai Malaysia 1963), dan Brunei yang terus bersendirian mengukir sejarah negara-bangsanya hingga kini. Apatah lagi dengan penubuhan negara-bangsa baru yang lain lagi di alam Melayu ini, seperti Thailand, Kemboja, Vietnam, Madagaskar dan Taiwan yang setengahnya meninggalkan langsung kewujudan peribuminya, Melayu.

Mengikut perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu (PTM), Melayu ditakrifkan sebagai orang di PTM yang mengamalkan kebudayaan Melayu dan beragama Islam. Takrif ini bukan sahaja kabur kerana bolak-baliknya itu, tetapi menyempitkan makna Melayu yang asal kepada orang-orang yang di PTM sahaja dan memberi implikasi kepada orang-orang yang seketurunan, seperdu atau serumpun, dengan orang-orang Melayu di PTM tetapi di luar PTM bahawa mereka bukan lagi Melayu. Orang yang seperdu atau serumpun dengan orang Melayu PTM dan berada di PTM tetapi bukan Islam juga sertamerta menjadi bukan Melayu sehingga istilah Bumiputera terpaksa diperkenalkan bagi merangkumi Melayu yang tidak Islam seperti Orang Asli itu. Perlembagaan ini diperluaskan kepada perlembagaan Malaysia apabila Sabah, Sarawak dan Singapura bercantum dengan PTM menjadi Malaysia pada 1963, dengan mengusutkan lagi makna Melayu.

Segi etniknya, orang Melayu di Semenanjung Malaysia tidak lain daripada suku-suku kaum yang secara generiknya dinamai orang Melayu Singapura, Sabah, Sarawak, pribumi Indonesia, Brunei, Philippina/Filipina (terutamanya selatan Philippina/Filipina) itu juga,

atau orang-orang Campa di Kemboja dan Vietnam, atau orang-orang Melayu di Patani, Thailand Selatan, atau orang Melayu Taiwan. Malah hampir tiada “Melayu” di PTM yang ibu, bapa, datuk, nenek atau leluhurnya yang bukan Jawa, Sumatera (seperti Minang, Batak, dan Aceh), Bugis, Banjar, Riau, Campa (versi lainnya ialah Champa/Cempa/Cepa/Capa dan diLatinkan/diItaliakan sebagai *Zampa*, *Zapa*, *Canpa* (selain drp Campa), *Capa* dan diInggeriskan menjadi *Champ* serta diPeranciskan kepada *Campe*), Kemboja/Kambuja (asalnya Kambujadesa dan diInggeriskan/diPeranciskan menjadi *Cambodge*, *Cambodia*, *Cambochea*, *Campuchea*, *Kampuchea* dan *Kambochea*), Patani (versi lainnya, Petani/Fatani), atau Taiwan dan pelbagai suku pribumi yang lain dari sekitar Asia Tenggara dan Lautan Pasifik, atau yang sudah tiada kedengaran lagi, Madagaskar. Keadaan ini sedemikian rupa sehingga menimbulkan hipotesis bahawa perkataan Melayu itu berasal daripada perkataan Jawa yang bermaksud “lari” atau “hijrah” ke *Nosa Koncana* ini [*Nosa Koncana* ialah nama Semenanjung Malaysia dan Thailand Selatan kini sebelum abad ke-7 M, yang bermaksud daerah emas [Lihat Shahrir (2000)]. Nama *Nosa Koncana* ini (bahasa Melayu kini, Nusa Kencana) dipakai dalam peta Batlamus atau Ptolemy kurun ke-2M lagi, dan diterjemahkan ke dalam bahasa Inggeris sebagai *Golden Khersonese*, yang menjadi judul buku Wheatley (1966)]. Ini mungkin hipotesis nakal kerana *malaya* dalam bahasa Sanskrit atau *malai* dalam bahasa Tamil kedua-duanya bermaksud bukit [Lihat Sastri (1949)], tetapi memang ada unsur-unsur kebenarannya juga. Apabila Singapura, Sabah dan Sarawak menjadi sebahagian daripada Malaysia, takrif Melayu mengikut PTM itu menjadi semakin kacau lagi kerana pribumi di kedua-dua negeri tersebut sudah dipupuk begitu kuat dengan kebanggaan suku kaumnya sehingga pribumi yang Islam sekalipun sudah tidak begitu senang dipanggil orang Melayu sahaja. Malah istilah Bumiputera pun tidak begitu disenangi kerana mereka merasakan Bumiputera ialah untuk orang Asli di Semenanjung sahaja. Mereka lebih suka menggelar diri mereka sebagai pribumi (sama seperti istilah di Indonesia). Bagi Indonesia pula istilah Melayu digunakan sebagai suku kaumnya di kepulauan Riau sahaja. Penolakan Melayu Malaysia kepada perluasan makna Melayu yang lebih luas terpancar apabila ahli-ahli UMNO (Pertubuhan Melayu Bersatu) tidak senang dengan penerimaan Bumiputera atau Pribumi Malaysia yang bukan Islam menganggotai parti tersebut, sekurang-kurang pada peringkat awalnya dahulu.

Asal-usul Melayu tidaklah muktamad. Mengikut kajian awal ahli antropologi, dan arkeologi Barat orang-orang di Kepulauan Melayu (disebut juga Alam Melayu) ini berasal daripada (Dataran) Yunan di sempadan dengan Nepal itu (Barat Daya Cina bersempadan dengan Burma dan India). Pendapat ini bersesuaian pula dengan pandangan para evolusis yang kononnya orang tertua ialah “Orang Peking”. Pandangan ini tersangkal apabila diketahui fosil “Orang Peking” itu adalah palsu. Segi bahasa pun terdapat perbezaan yang ketara antara bahasa Melayu (Purba atau klasik) dengan bahasa Yunan itu sehingga teori ini tidak dapat dipertahankan lagi. Bahasa Melayu tidak ada kesamaan langsung dengan bahasa Yunan itu, malah bahasa Melayu amat dekat dengan bahasa Sanskrit (India). Ini malah menjadikan alasan yang kuat bahawa sekurang-kurangnya keturunan raja-raja Melayu itu memanglah berasal daripada keturunan raja Sulan dari India seperti yang diriwayatkan di dalam buku Sejarah Melayu yang dibicarakan lagi di bawah ini nanti. Lagi pun fosil “Orang Jawa” yang sehingga kini tidak terbukti kepalsuannya dan lebih tua daripada fosil “Orang Peking” (jika fosil ini tidak

palsu sekalipun) menunjukkan orang Melayu adalah pribumi di Kepulauan Melayu ini. [Lihat juga perinciannya dalam Shaharir (1992), Wan Hashim (1997) dan Nik Hassan Shuhaimi (1998)].

Mengikut buku *Sulalatus Salatin* (Sejarah Melayu), karya Tun Sri Lanang (atau bagi Winstedt, Tun Bambang) pada 1612 itu [versi Samad Ahmad (1979)], Melayu ialah nama sebuah hulu sungai di Bukit Si Guntang, Palembang, Sumatera. Raja Palembang pertama itu bernama Demang Lebar Daun yang berasal daripada anak-cucu raja Sulan di India yang berketurunan Raja Iskandar Zulqarnain dengan Putri Syahrul Bariyah anak Raja Kida Hindi. Tetapi ternyata di dalam Buku itu juga pada masa yang sama atau terdahulu daripada kerajaan Demang Lebar Daun itu, terdapat kerajaan lain di merata tempat di Kepulauan Melayu ini menerusi cerita Raja Suran (keturunan raja Sulan itu) menawan beberapa buah negeri seperti *Gangga Negara* (Kedah atau Perak?) dengan rajanya bernama Shah Johan, negeri *Langgiu* (Langkawi?, Riau-Lingga?) dengan rajanya bernama Culan. Tiada sebarang tarikh bagi setiap sejarah ini yang tercatat dalam buku "Sejarah Melayu" itu. Namun, apabila mengenangkan prasasti (dikenali juga sebagai batu bersurat dan piagam) yang tertua di Nusantara ini (sehingga kini) yang ada catatan (dalam bahasa Melayu Purba) tentang penubuhan kerajaan Srivijaya/Sriwijaya di Palembang itu tidak lain daripada prasasti Kedukan Bukit di sekitar Bukit Si Guntang itu juga, dan bertarikh yang bersamaan dengan 683M, maka bolehlah kita membuat kesimpulan bahawa kesah Demang Lebar Daun, raja Melayu pertama yang tersebut di atas itu adalah berkemungkinan besar raja pertama kerajaan Srivijaya sekitar abad ke-7M itu juga. (Perinciannya dibicarakan selepas ini). Kebetulan pula perkataan "malaya", "malayo", "malayu", atau "malaiyur" yang tertua (sehingga kini) juga terdapat pada prasasti di Palembang (pada patung di Padang Ruku/Roko atau Sungai Langat, Batang Hari, bertarikh yang bersamaan dengan 1029M, dan prasasti Tanjore bertarikh yang bersamaan 1030M). Pada prasasti di arca Amoghapasa, di Palembang, yang bertarikh 1347M [lihat Sastri (1949)] terdapat puji-pujian kepada raja Sri Udayadityavarma sebagai pemerintah *Malayapura* dan *Udaya*.

Dalam catatan Marko Polo (pengembara dari Eropah yang terkenal pada abad ke-13M, walaupun kesahihan tokoh ini dipertikaikan), beliau menulis "Malaiur" apabila merujuk kepada orang atau kawasan di negeri-negeri di antara Selat Melaka sekarang yang dilaluinya itu dan terpaksa tinggal di Sumatera selama lima bulan kerana menunggu musim ribut reda; manakala penulis Arab pada zaman yang sama menyebut "Malayur" bagi merujuk kepada bangsa/bahasa yang kini dikenali sebagai Melayu itu. Marko Polo juga menceritakan betapa beliau mendapati adanya orang di "Malaiur" itu yang berekor dan ada pula yang makan manusia. Tentang manusia yang makan manusia itu memanglah terbukti benarnya (terutamanya bagi orang Batak dahulu) tetapi manusia yang berekor itu mungkin satu daripada khayalannya sahaja, atau tersalah fahamnya beliau tentang pakaian suku kaum Melayu yang dijumpainya itu.

Mengikut catatan Eredia sekitar 1600M-1604M semasa beliau berada di Melaka sebagai seorang pegawai Portugis (terjemahan catatannya diterbitkan kembali oleh MBRAS (1997)), beliau menulis "Malaio" bagi merujuk kepada "Melayu" sekarang ini dan beliau berpendapat nama bangsa ini berasal daripada "Attayo" atau "Attay", (yang kemudiannya dikenali sebagai "Cattayo"), satu bangsa daripada Serika (*Seryca*) dari negeri Skith (*Scyth*) atau Skithia (*Scythia*) di Parsi. Keturunan bangsa yang sama

inilah juga yang menjadi orang-orang Yunani (bukan Yunan atau Funan, tetapi Grik Purba) itu. Pendapat ini juga agak serasi dengan cerita dalam buku "Sejarah Melayu" itu.

Mengikut sumber Cina yang tercatat dalam buku Liang Liji (1996), rekod tertua yang menyebut perutusan "Mo-lo-yu", "Molo-yoou", "Mo-lo-yeu", atau "Mali-yu-eul" ke negeri Cina buat kali ke-5 bertarikh 644M. Mengikut sumber Cina yang tercatat dalam Chatterji (1966), pada tahun 435M sudah ada raja dari *Ja-va-da* (= *Javadvipa* = Sumatera dan Jawa sekarang) yang bernama *Se-li Pa-do-a-la-pa-mo* (yang jelas ada perkataan Sri Paduka) yang menghantar utusan kepada maharaja Cina zaman dinasti Sung itu. Tetapi mengikut sumber Liang Liji (1996) itu, perutusan sebegini sudah berlaku berkurun sebelum ini lagi, malah pada tahun 131M lagi kerajaan yang dikenali dalam tulisan Cina Purba itu sebagai *Ye Diao*, iaitu rantau yang kini dikenali sebagai Jawa dan Sumatera yang berasingan, sedangkan dahulunya sebagai sebuah kerajaan sahaja (terutamanya jika dikira bahagian Jawa Timur sekarang ini yang juga dikenali sebagai Sunda itu), membawa ufti ke negeri Cina dan dibalas pula oleh raja Cina itu dengan "Cap kempa kain dewangga ungu". {kempa = alat apitan seperti dalam tenunan itu; dewangga = bercorak indah seperti biru atau kuning di atas dasar merah}. Sebelum itu, ada catatan sejarah zaman Yin 17-11SM yang menyebut adanya orang-orang Cina datang ke Asia Tenggara ini kerana mendapatkan kulit kura-kura dan kulit binatang tenuk (*Ma lai Mo*). Pada zaman Dinasti Han (abad ke-2M) pula ada catatan penjelajahan Cina yang sampai ke Dungun (*Du Yuan*, *Qu Du Kun/Quan/Qian*, dan *Du Qun*), Pulau Pisang (*Pi Zhong*), dan Kedah (*Du Yuan*). Pada zaman kerajaan Wu (selatan Cina) abad ke-3M kapal-kapal besar Cina dinamai "Po" yang dipercayai pinjaman daripada perkataan Melayu Purba yang versi kininya ialah "kapal". Dalam kurun itu juga dicatatkan adanya kerajaan yang bernama Funan, dipercayai sebuah lagi kerajaan Melayu Purba, iaitu kerajaan Melayu-Kemboja (Khmer Asli) purba yang berpusat di Kemboja (Kambuja/Kambodia) sekarang (Lihat Lampiran 2). Kemuncak kerajaan ini ialah sekitar abad ke-6M, walaupun kesinambungan kerajaan ini wujud sehingga kurun ke-15 (dikenali sebagai Empayar Khmer), dengan keluasan wilayahnya semakin kecil. Manifestasi keagungan kerajaan ini terpancar daripada kesenian dan kejuruteraan pada Wat Angkor itu (dibina sekurang-kurangnya pada kurun ke-12M, walaupun setengah pihak mengatakan abad ke-9M lagi). Namun sejauh mana keMelayuannya kerajaan purba ini masih menjadi tanda tanya kerana kajian bahasanya di prasasti-prasastinya belum dilakukan dengan telitinya *vis-a-vis* dalam konteks hubungannya dengan rumpun bahasa Austronesia, khususnya bahasa Melayu Kuno/Purba (Malah dalam Lampiran 1, hakikat ini masih tidak tertera dalam peta itu, sedangkan di Kemboja terdapat beberapa tempat yang penduduknya majoriti orang Melayu seperti yang terkenal di tempat yang bernama Kampong Campa hingga sekarang yang dipercayai warisan kerjaan Melayu Campa atau kerajaan Funan itu).

Mengikut buku kompilasi RISEAP (1996), kini di Kemboja terdapat kira-kira 400 ribu orang Campa yang kebanyakannya tinggal di Kampong Campa, dan sebahagian lagi di Kampong Cenang (*Chenang/Ch'ngang*) dan di provinsi Kampot. Di Phnom Penh sendiri terdapat kira-kira 30 ribu orang Campa. Mengikut Buku Intan (1991), Othman dan Halim (1990), Gallop (1994), dan lebih asli dan berwibawa lagi karya Coedes (1964), kerajaan Melayu purba yang lebih berjaya lagi (dan keMelayuannya tidak dipertikaikan lagi) ialah yang berpusat di Vietnam sekarang [mulanya di Annam, kemudian makin

ke selatan seperti di Hue, Inderapura (Quang-nam) dan akhirnya di Vijaya (Binh-dinh)] yang terkenal dengan nama Kerajaan (Melayu) Campa yang wujud sejak kurun ke-3M lagi berpusat di Annam sekarang (Lihat Lampiran 3). Kemuncak kerajaan ini ialah sekitar abad ke-9M hingga ke-10M. Walaupun kerajaan Campa dapat dikalahkan dan diusir keluar kota Vijaya itu pada tahun 1471 oleh orang-orang Vietnam, namun saki baki takhtanya masih wujud sehingga abad ke-16M, sehingga dilaporkan dalam rekod Cina bahawa kerajaan Campa pernah menghantar bantuan kepada kerajaan Melaka untuk melawan Portugis. Orang-orang Campa ini memeluk agama Islam mungkin lebih awal daripada orang-orang di Nusantara kerana mereka telah pun beragama Islam sekurang-kurangnya pada abad ke-11M lagi. Orang-orang Campa yang berhijrah ke Semenanjung Malaysia beberapa ratus tahun dahulu dapat ditemui dengan agak ramainya di Kelantan terutamanya di kawasan yang bernama Pengkalan Cepa, Kota Bharu, dan di Gong Capa di Pasir Puteh. Mengikut buku kompilasi RISEAP (1996), orang-orang Campa di Vietnam kini dianggarkan sekitar 41 ribu yang Islam dan tinggal di bahagian selatan Vietnam (yang teramatnya di provinsi Chau Doc dan Tay Ninh), dan puluhan ribu lagi yang tinggal di pedalaman yang dikatakan beragama "Islam Lama", iaitu campuran Islam-Hindu-Budha.

Sementara itu terdapat pula beberapa kerajaan Melayu Purba lain yang tertulis dalam catatan Cina, iaitu *Lang Ya Xiu* (Fatani/Patani sekarang) abad ke-2 M, *Pan Pan* (utara Segenting Kera) abad ke-5M, *Senggora* (bermaksud Tanah Merah, sekarang di Thailand Selatan), dan *Zhu Bo* (pulau Jawa sekarang) semuanya telah wujud sekurang-kurangnya pada abad ke-5M lagi, manakala *Dan Dan* atau *Tan Tan* (Kelantan sekarang, yang juga disebut *Ki-lan-tan* oleh penulis-penulis Cina yang kemudian) telah wujud sebelum abad ke-6M lagi. Mengikut buku Intan (1991), sumber Cina yang lain lagi juga mencatatkan kebesaran kerajaan *Ho-Lo-Tan* atau *Kuo-Lo-Tan* di Semenanjung Malaysia pada kurun ke-5M itu yang juga ditafsirkan sebagai Kelantan sekarang. Kerajaan ini dikatakan pernah mengirimi utusan dan ufti ke negeri Cina pada 430M, 433M, 436M, 437M dan 452M. Mengikut catatan pada Zaman Dinasti Liang abad ke-6M, seperti yang diterjemahkan oleh Liang Liji (1996), kerajaan Kelantan pada abad sebelumnya lagi, iaitu Dinasti Syui, adalah seperti berikut:

"Negeri Dan Dan sudah terkenal pada zaman Dinasti Syui lagi. Keluarga rajanya bernama Ksyatriya, namanya Raja Sri Linga, memerintah lebih daripada dua puluh ribu keluarga. Menterinya ada lapan orang, disebut Lapan Teras, dan Menteri Besarnya dipegang oleh seorang Brahmin. Tubuh raja dipupuri dengan bedak harum, bermahkota menjulang tinggi, berkalungkan ratna mutu maknikam, berpakaian warna-warni, berkasut kulit. Kalau berpergian; dekat naik kenderaan, jauh naik gajah. Ketika berperang orang meniup serunai dan memalu genderang. Hukumannya keras: pencuri tak pandang dosanya; besar kecil semuanya dibunuh." (Liang Liji. *ibid.*, m.s. 18).

Namun kerajaan Melayu Purba yang termasyhur sekali di kalangan pelajar sejarah di Malaysia ialah kerajaan Srivijaya atau Sriwijaya yang berpusat di Palembang, Sumatera dan beragama Budha Mahayana (bukannya Hindu). Kerajaan Srivijaya dikatakan bermula pada abad ke-7M dan berakhir pada abad ke-12M setelah didominasi oleh kerajaan Majapahit (abad ke-13M hingga ke-15M) yang berpusat di Jawa dan diikuti oleh kerajaan Melaka (abad ke-14M hingga ke ke-16M) itu. [Lihat peta kerajaan-

kerajaan ini di lampiran 4] Pada kemuncaknya, kerajaan Srivijaya memerintah sehingga ke sebahagian besar pulau Jawa dan membina candi Borobudur di Yogyakarta, Jawa Tengah, yang menjadi satu daripada benda ajaib dunia, malah jauh lebih ajaib daripada ahram (piramid) di Mesir atau di Amerika Selatan (empayar Maya dan Aztek) atau wat Angkor (tinggalan Empayar Funan-Khmer) itu. (Lihat gambar berkenaan di lampiran 5). Empayarnya yang berpusat di Palembang itu termasuklah juga seluruh Sumatera, Riau, Jawa Barat, Semenanjung Malaysia, Singapura, Selatan Thai (berpusat di Patani), Campa (di Vietnam sekarang), Kemboja dan Sri Langka. Buku-buku yang mengandungi sejarah kerajaan Srivijaya ini bolehlah dilihat dalam Coedes dan Damais (1992), Slametmuljana (1970,1981), Chatterji (1966) dan Sastri (1949). Suatu yang menarik lagi ialah betapa adanya pula sebuah prasasti di Vietnam sekarang bertarikh 787M (prasasti zaman Melayu Campa) yang menceritakan asykar Srivijaya mendarat di Campa dan membakar candi Hindu di situ [Lihat Sastri (1949)]. Ini menunjukkan kerajaan Srivijaya pernah menyerang kerajaan Campa untuk menaklukinya, tetapi tidak pula tercatat dalam sejarah tentang lamanya kerajaan Srivijaya pernah memerintah Campa dan Empayar Funan-Khmer itu.

Mengikut sumber Cina lagi (seperti yang dilaporkan dalam buku-buku sejarah yang dirujuk di atas), Srivijaya dirujukinya sebagai *Sye-li-fo-sye'* (*She-li-fo-she'*, *Shelifosche*), *Se-li-fo-se*, *San-fo-ts'i*, *Sanfotsi*, atau *Fo-che*. Mengikut Sastri (1949), istilah-istilah ini dipakai oleh penulis Cina dalam kurun 10M hingga 14M). Mengikut Liang Liji (1996), ada juga penulis-penulis Cina pada Zaman dinasti Tang Lama abad ke-7M merujuk Srivijaya sebagai *He Ling* atau *Ka Ling*, tetapi jelaslah nama ini tidak popular. Bagaimana perkataan-perkataan ini berasal daripada Srivijaya dijelaskan dengan panjang lebarnya dalam Coedes dan Damais (1992). Pada kemuncaknya kerajaan ini, mengikut Sastri (1949) dan Slametmuljana (1970), terdiri daripada 15 buah negeri di sekitar Tenggara Asia ini, termasuk beberapa daerah di *Nosa Koncana* (Malaya/Tanah Melayu atau Semenanjung Malaysia dan termasuk selatan Thai sekarang) yang disenaraikan mengikut sumber Cina sebagai *Pa-ta'* (drp Batak, dengan tujuan merujuk kepada kawasan yang didiami oleh suku kaum Melayu ini di Sumatera dan di Semenanjung Malaysia), *Tan-ma-ling* (Tamralinga, Ligor), *Kia-lo-hi* (Grahi di teluk Bandon, selatan Thailand), *Ji-lo-ting* (Jelutong, Pulau Pinang), dan *Ling-ya-asi- kia* (Langkasuka, iaitu sekurang-kurangnya Kedah dan Thailand Selatan sekarang), bahkan termasuk juga *Silan* atau *Sirandip/Suvarndip/Suvarnavdipa* (Silon/Ceylon atau Sri Langka sekarang)! Tetapi mengikut Nehru (1963), empayar Srivijaya merangkumi Philippina, separuh Taiwan, Borneo, Sulawesi dan separuh Jawa (lihat Lampiran 4(a)). Catatan terkenalnya ialah yang dibuat oleh *I-Tsing*, *Ye-Sing*, atau *Yi Jing* (dan berbagai-bagai versi ejaan yang lain lagi), seorang sami dari benua Cina, yang belayar ke India untuk menuntut agama Budha. Sesampainya beliau di pusat Srivijaya di Sumatera [atau mengikut Sastri (1949), mulanya sebutan Cina ialah *Ku-Kang*, dan kemudiannya disebut *P'o-lin-pang*, *Pao-lin-pang*, *Pa-lin-pang*, atau *Pa-lin-fong*) beliau dikatakan begitu terpesona dengan tamadun di situ lalu tinggal di situ selama 7 tahun, iaitu 688-695M (setengah sumber mengatakan beliau tinggal selama 4 tahun dan ada yang berkata 14 tahun). Pada abad ke-12, *Java* (Majapahit) dan *sanfotsi* disebut-sebut oleh para penulis Cina dahulu kala sebagai dua buah negara komers yang penting dan kerajaan yang besar.

Pada abad ke-13M seorang pegawai kastam di Benua Cina yang bernama *Cau (Chau) Ju-Kua* banyak menulis kesah pentadbiran Srivijaya yang hebat dan teknologi yang canggih tentang pelabuhan di Srivijaya. Antara 904M hingga ke abad 15M begitu banyak cerita perwakilan raja-raja Melayu di Alam Melayu ini yang melawat Cina. Yang besarnya ialah Maharaja yang bernama Cudamanivarman yang dikatakan pernah menghantar wakilnya ke negeri Cina pada 1003M untuk menghadihkan loceng untuk sebuah candi Budha di sana. Loceng itu diberi nama oleh maharaja Cina itu sebagai “Kehidupan Seribu Tahun Yang di Anugerah dari Syurga.” Pada tahun 1079 tercatat di kuil Taois di Kanton nama seorang pembesar dari Srivijaya yang bernama *Ci-lo-lo (Chi-lo-lo)* yang dihantar oleh maharaja Srivijaya yang bernama Divakara untuk membaiki kuil tersebut. Maharaja Cina itu memberi gelaran kepada maharaja Srivijaya itu sebagai “Jeneral Agung”. Mengikut catatan di prasasti di negeri Cina yang dijumpai pada 1959, seperti yang diceritakan dalam buku Liang Liji (1996), seorang saudagar Cina Srivijaya bernama *Zhi Luo* pernah menderma membina semula kuil *Tian Qing* pada zaman dinasti *Tang* abad ke-9M hingga ke-10M kerana dimusnahkan oleh pemberontak dinasti *Tang* itu. Satu perkara yang menarik juga ialah tentang gelaran kepada pembesar-pembesar dari Srivijaya yang dianugerah oleh maharaja Cina mulai kurun ke-10M, apabila pembesar-pembesar ini melawat dengan rasminya negeri tersebut [Sastri (1949)]. Gelaran tersebut ialah *Hia-tch'e* yang berasal daripada Haji, selain daripada gelaran *Si-li-ma-hia-io-cho* (=Sri Maharaja): pada 1017M ada diberi gelaran *Hia-tch'e Sou-wou-tch'a-p'ou-mi* (Haji Sumatra Bumi) kepada seorang pembesar, dan pada 1156M ada diberi gelaran *Si-li-ma-hia-lo-che* kepada seorang pembesar dari Srivijaya.

Mengikut Sumber Hindu pula, terdapat seorang sami Budha dari India pada abad ke-7M bernama Atisa yang datang ke *Suvarnavdipa* (Sumatera) untuk belajar daripada sami yang bernama Dharmakirti yang bergelar “Sarjana Agung”. Pada abad ke-10M dinasti Cola (Chola) di India ada menyebut maharaja *Kataha* (Kedah) dan Srivijaya.

Mengikut sumber Arab pula Srivijaya dirujukinya sebagai *Zabaj* atau *Zabag*, dan *Sribuza/Sribusa*, yang dikatakannya memerintah *Kalah* (Segenting Kra dan Kedah) pada kurun ke-9M, dan kerajaan ini dianggapnya sebagai “seorang daripada emperor yang agung di dunia”. Pengembara Arab kurun ke-9M bernama Sulaiman menulis pada 815M menceritakan kebesaran *Zabaj/Zabag*, *Sribusa/Sribuza* (daripada Sanskrit *Sribhoja* daripada Cina *Chelifosche*) dan *Rami*, *Ramni* atau *Ramini* (Sumatera). Beliau juga mengesahkan bagaimana Srivijaya menakluki kerajaan Khmer di Kemboja itu. Kurun ke-10M seorang lagi penulis Arab yang bernama Masudi menulis kesah seorang maharaja *Zabag* di *Kalah* (Kedah) dan *Sirandip* (Sri Langka). Mengikut Chatterji (1966) penulis-penulis Arab yang lain yang menceritakan tentang *Zabaj* ialah Ibnu Hordadbeh (844-48M) dan al-Biruni 1030M.

Walau apa pun, dalam makalah ini, Melayu ialah istilah yang sesempit- sempitnya pun perlulah merangkumi pribumi Malaysia, Sumatera, Kepulauan Riau, Jawa, Selatan Thailand, Brunei, Singapura, dan Campa. Melayu yang seluas-luasnya, mengikut istilah sejarah dunia pra-Perang Dunia Kedua atau mengikut kelaziman dunia akademik hingga kini, ialah pribumi di Alam Melayu (yang termasuk pribumi di Madagaskar, Filipina, malah pribumi di Taiwan). Lampiran 1 menunjukkan peta Alam Melayu itu mengikut pengertian yang luasnya (yang sepatutnya termasuklah juga secuit di Kemboja itu). Istilah Melayu Raya, (Zaman Sukarno, 1940-an), Nusantara [Mengikut Coedes dan Damais

(1992), istilah ini disyorkan oleh Prijana, 1954, dalam majalah *Bahasa dan Budaya* 2(5):56-58], Maphilindo (tahun 1960-an: drp Malaysia, Philippina dan Indonesia), Malindopura [diperkenalkan oleh Shaharir, 1987, dalam pengenalan bukunya, "Pengenalan Sejarah dan Falsafah Sains"], dan lain-lain lagi pernah dipopularkan bagi menamai semula Alam Melayu Moden tetapi ternyata tidak berjadi. Walaupun istilah Nusantara agak popular hingga kini tetapi oleh sebab semantik Indonesia dengan Malaysia tentang istilah ini agak berbeza (di Indonesia, perkataan Nusantara bererti kawasan yang Asia Tenggara ini tetapi tidak termasuk Jawa), maka istilah ini tidak menjadi istilah rasmi bagi Alam Melayu, walaupun semuanya bersetuju bahasa nasional masing-masingnya (umpamanya bahasa Indonesia, Malaysia, Brunei Darussalam) berasaskan bahasa Melayu. Tidak hairanlah majlis kerjasama bahasa antara Malaysia dengan Indonesia sejak 1970 itu dikenali sebagai Majlis Bahasa Indonesia-Malaysia sahaja, atau singkatannya MABIM yang kemudiannya menjadi Majlis Bahasa Brunei Darussalam-Indonesia-Malaysia apabila Brunei turut serta menjadi ahlinya, atau singkatannya MABBIM sahaja.

Aksara Melayu purba

Mengikut catatan Cina kurun ke-7M, I-Tsing (Ye-Sing atau Yi Jing versi ejaan yang lain lagi itu) setelah berada bertahun-tahun di Srivijaya itu, membuat perakuan supaya orang-orang Cina yang ingin mempelajari agama Budha perlulah terlebih dahulu ke Srivijaya untuk satu atau dua tahun, kerana beliau mendapati kitab-kitab asli Budha dan Hindu banyak terdapat dalam bahasa Srivijaya. Beliau sendiri menyalin beratus-ratus buah kitab agama Budha dan Hindu membawanya balik ke negeri Cina. Beliau juga ada menyebut adanya kitab agama Budha yang bernama *Kitab Tripatika* yang terkenal itu sebanyak 500 *gatha* yang katanya jika diterjemah ke dalam bahasa Cina berjumlah ribuan jilid. Tidak hairanlah selepas beliau terdapat 19 orang sarjana Cina lagi yang datang ke Srivijaya.

Pada masa yang sama tamadun-tamadun Melayu di sekitar abad ke-5M di Nusantara ini juga didapati sudah agak kukuh seperti di Kalimantan, dan di Bali. Malah prasasti yang tertua yang dijumpai setakat ini di Nusantara ialah prasasti di Kalimantan Timur (di tempat yang bernama Kotai/Kotei, dan juga di Semenanjung Malaysia (Kedah dan Pulau Pinang) yang dianggarkan bertarikh sekitar 400 Masehi). Aksara-aksara yang digunakan dalam tulisan di prasasti-prasasti pra-Islam di Nusantara ini ialah **aksara Palavi/Palawi** (dipengaruhi oleh aksara dari kerajaan Palava di selatan India), dan kemudiannya dirujuk huruf **Kawi/Kavi** (Jawa Purba) yang banyak dihuraikan oleh de Casparis (1975). Mengikut de Casparis (*ibid.*) huruf-huruf ini bermula daripada pengubahsuaian aksara dari kerajaan Palava/Palawa di selatan India pada abad ke-4M, dan kemudian berkembang secara evolusi kepada **huruf Kawi** itu. Beliau membahagikan zaman-zaman aksara ini sebagai zaman **aksara Palavi Awal** abad ke-4M hingga ke-7M [dijumpai tertulis di prasasti di Kalimantan Timur, Jawa Barat, Kedah-Pulau Pinang (Bukit Meriam di Kuala Sg. Merbuk, Ceruk Tokun, Province Wellesley dan Sungai Bujang)]; zaman **aksara Palavi Kemudian** pada abad ke-7M hingga pertengahan abad ke-8M (dijumpai pada prasasti di Sumatera, Jawa Tengah, dan Semenanjung Malaysia); **aksara Kawi Awal** atau **Jawa Kuno** pada pertengahan abad ke-8M hingga awal abad

ke-10M (dijumpai pada prasasti di Thai Selatan, Jawa Tengah, Jawa Timur, dan Semenanjung Malaysia); **aksara Kawi Kemudian** pada awal abad ke-10M hingga pertengahan abad ke-13M (dijumpai pada prasasti di Jawa Timur, Airlangga, Kediri, Bali, Sunda, dan Sumatera Selatan) dan **aksara Kawi Zaman Majapahit** yang dijumpai pada prasasti seluruh Alam Melayu ini sehinggalah kemasukan aksara Arab menerusi Islam itu. Contoh aksara-aksara ini dapat dilihat di Lampiran 6. Bahasa yang dipakai dengan menggunakan aksara-aksara itu ialah **bahasa Melayu Purba, Sanskrit, atau Jawa Purba**. Namun mengikut Ismail Husein (1981) dan Amat Juhari (1996), orang-orang Melayu di Nusantara ini juga mempunyai aksara tersendiri sebelum aksara Palavi itu dan aksara-aksara ini dinamai **huruf Rencong/Rencung** (Lampiran 7). Tetapi sehingga kini tiada prasasti dalam huruf Rencong yang dijumpai yang bertarikh lebih tua daripada prasasti dan aksara Palavi itu. Tulisan-tulisan yang tertua dalam huruf rencong ini terdapat dalam buku Hooykaas (1951) yang dianggarkan bertarikh dalam zaman kerajaan Majapahit (kurun ke-12M) sahaja (Lampiran 7), sedangkan tulisan terawal dalam huruf Palavi dan berbahasa sanskrit ialah kurun ke-4M lagi, dan berbahasa Melayu pada abad ke-7M. Ini tidaklah pula bermakna bahasa Melayu belum tertulis sebelum abad ke-7M, malah aksara pada zaman kerajaan Melayu Campa pula lebih lama lagi, iaitu yang tertuanya ialah pada abad ke-4M, dan agak berbeza lagi (walaupun bentuknya seakan-akan huruf Hindu atau Palavi juga, Lihat Lampiran 8). Mengikut Intan (1991), tamadun Melayu Campa meninggalkan 206 buah prasasti (98 dalam bahasa Melayu Purba-Campa, 43 Sanskrit, 29 dwi-bahasa itu dan 36 lagi tidak diketahui bahasa atau aksaranya (tidak terbaca). Prasasti ini yang tertuanya dijumpai di Kauthara (Nha-trang, Vietnam sekarang) yang bertarikh 192M dan berbahasa Sanskrit, manakala yang tertua dalam bahasa Melayu Purba itu ialah di sekitar abad ke-4M. Akasara yang digunakan adalah aksara yang sebetulnya dengan aksara dari India, walaupun sudah ada pengubahsuaian yang tersendiri dan lebih mirip kepada aksara di Nusantara. Transkripsi prasasti Melayu tertua ini terdapat dalam Intan (1991) dan beberapa perkataannya masih boleh dikenali termasuklah *urang* (orang), *svarggah* (syurga), *naraka* (neraka), *sarivu/sariwu* (seribu), *thun* (tahun), *davam* (dalam), dan *tujuh*. Prasasti ini menceritakan bagaimana nasibnya seseorang yang menghormati atau sebaliknya kepada *Naga punya putauv* (Nagadewa kepunyaan Raja) dewasa itu (kurun ke-4M), iaitu yang menghormatinya akan beroleh anugerah dari syurga dan yang mengkhianatinya akan beroleh sengsara sehingga tujuh keturunan. Oleh itu, pandangan popular yang mengatakan orang-orang Melayu dahulu kononnya hanya tahu tiga perkataan sahaja, iaitu TANAH, BESI dan BABI adalah satu fitnah besar sahaja.

Pada masa yang sama tamadun-tamadun Melayu di sekitar abad ke-5M di Nusantara ini juga didapati sudah agak kukuh seperti di Semenanjung Malaysia, di Kalimantan, dan di Bali. Malah prasasti yang tertua yang dijumpai setakat ini di Nusantara ialah prasasti di Kalimantan Timur (di tempat yang bernama Kotai/Kotei, dan juga di Semenanjung Malaysia (Kedah dan Pulau Pinang) yang dianggarkan bertarikh sekitar 400 Masehi). Aksara-aksara yang digunakan dalam tulisan di prasasti-prasasti praIslam ialah aksara Palavi/Palawi (dipengaruhi oleh aksara dari kerajaan Palava di selatan India), dan kemudiannya huruf Kawi/Kavi (Jawa Purba) yang banyak dihuraikan oleh de Casparis (1975). Mengikut de Casparis (*ibid.*) huruf-huruf ini bermula daripada pengubahsuaian

aksara dari kerajaan Palava/Palawa di selatan India pada abad ke-4M, dan kemudian berkembang secara evolusi kepada huruf Kawi itu, seperti yang telah dibicarakan di atas.

Sementara itu, aksara pada zaman kerajaan Funan (dikenali juga kemudiannya sebagai Empayar Khmer) tidaklah dapat kami jumpai setakat ini akan sumber aslinya (seperti dengan fotograf prasastinya dan transkripsi ruminya), walaupun pungutan transkripsi dalam bahasa Sanskrit dan terjemahannya ke dalam bahasa Inggeris yang berjumlah lebih daripada 200 buah prasasti dengan 80 buah daripadanya dalam bahasa Khmer purba atau campuran dengan sanskrit itu terdapat dalam buku Majumdar (1953). Walaupun demikian, tulisan dalam bahasa Melayu zaman kerajaan Funan yang dijumpai setakat ini tidaklah setua yang di Campa, kerana Prasasti Funan yang tertuanya dalam bahasa Khmer purba itu ialah yang bertarikh 531S (=609M). tetapi fotograf dan transkripsi rumi tidak dapat kami perolehnya lagi, walaupun Majumdar (1953) menyebut kedua-duanya terdapat dalam *BEFEO (Bulletin de l'Ecole Francais d'Extreme-Orient, Hanoi, XXXIII: 530-531*. Walau bagaimanapun, contoh aksara zaman empayar Funan dalam bahasa sanskrit pada abad ke-5M ada di lampiran 9.

Berkenaan dengan bahasa dan tulisan Melayu Purba ini, mengikut sumber Cina lagi [catatan pada Zaman Dinasti Tang Lama, abad ke-7M, seperti yang disebut dalam buku Liang Liji (1996) itu], bahasa Melayu (yang dipanggilnya bahasa "Kun-lun") pada kurun ke-7M itu sudah pun maju dan dipelajari oleh pendita-pendita Cina (bermula dengan I-Tsing itu) dan bahasa ini telah menggunakan aksaranya yang tersendiri. Tidakkah diketahui apakah aksara bahasa "Kun-lun" ini, iaitu aksara zaman kerajaan Funan, atau Campa atau Palavi atau aksara Rencong itu.

Angka Melayu purba

Dengan pengertian Melayu yang luas seperti yang diperkatakan di atas, maka apabila seseorang membicarakan isu Melayu pra-Islam atau pra-penjajahan di Asia Tenggara ini, maka mauduk ini bermaksud perkara-perkara yang berhubung dengan orang Melayu yang terdapat di Alam Melayu mengikut pengertian luas ini (iaitu bukan di Malaysia ini sahaja). Khususnya, perihal angka Melayu pra-Islam (atau angka Melayu Purba) bermakna sebarang angka yang wujud di kalangan orang Melayu di Alam Melayu mengikut pengertian yang luas itu. Tegasnya, seseorang perlu membicarakan angka-angka yang wujud dalam tamadun besar Alam Melayu sebelum kedatangan Islam, iaitu tamadun Melayu pada zaman seperti kerajaan Funan, Campa, Srivijaya, dan Majapahit itu.

Angka Melayu Purba sepatutnya diperoleh sekurang-kurangnya daripada catatan prasasti di Campa yang berjumlah lebih daripada dua ratus itu, khususnya daripada 98 buah prasasti dalam bahasa Melayu Campa itu. Jika seseorang mahu mengkaji kewujudan angka Melayu yang lebih awal lagi, maka seseorang itu perlulah mengkajinya menerusi prasasti-prasasti pada zaman tamadun Funan itu dalam bahasa yang dikatakan hampir dengan Melayu juga iaitu bahasa Khmer purba itu yang perihal kandungan bagi ratusan prasasti dalam bahasa Khmer purba itu dapat dilihat dalam buku Majumdar (1953). Tetapi penulis tidak memperoleh sumber-sumber sekunder sekalipun yang mencukupi untuk membuat kajian tersebut. Oleh itu dalam kajian ini, kami menggunakan transkripsi prasasti-prasasti (dikenali juga sebagai batu bersurat dan piagam) di Alam Melayu sebelum kedatangan Islam atau zaman peralihan Islam-praIslam seperti yang terkumpul

dalam buku de Casparis (1975, 1978), Coedes dan Damais (1992), Othman dan Abdul Halim (1990), Slametmuljana (1970, 1981), Chatterji (1967), dan Sastri (1949). Pada kebanyakan prasasti ini kami dapati tiada aksara angka secara tersurat walaupun setengahnya ada perkataan-perkataan simbolik yang mewakili tarikh-tarikh berbentuk nombor (iaitu dengan perkataan) dan yang lainnya tiada tarikh (dalam bentuk perkataan simbolik atau angka) yang jelasnya. Contoh prasasti yang tarikhnya disimboli dengan perkataan-perkataan khas ialah pada prasasti yang terutamanya menggunakan bahasa Sanskrit seperti prasasti Canggal Jawa Tengah yang tarikhnya dapat ditafsirkan sebagai 654S (S = *Syaka / Saka*, 1S = 78M) dan prasasti Ligor, Selatan Thailand, yang dapat ditafsirkan bertarikh 697S masing-masingnya ditulis dalam perkataan simbolik: *srutindriyarasa* yang terdiri daripada perkataan *sruti* (mewakili Veda yang bermaksud empat), *indriyas* (bermaksud lima), *rasas* (bermaksud enam), dan *muninavarasa* yang terdiri daripada perkataan *munis* (bermaksud tujuh), *navan* (bermaksud sembilan), dan *rasas* (bermaksud enam). Pada patung Amoghapasa di Padang Candi, Sumatera pula terdapat perkataan yang boleh ditafsirkan sebagai bertarikh 1269S, iaitu *patanga carana nandanta* yang terdiri daripada perkataan *patanga/patange* (bermakna matahari an mewakili dua belas), *carana* (secara harafiahnya bererti lebah tetapi segi nombornya bermakna enam) dan *nanda/nandanta/nardanta* (bermakna sembilan). Transkripsi kepada ketiga-tiga prasasti ini terdapat dalam Sastri (1949). Semua tulisan pada prasasti adalah dari kiri ke kanan termasuk perkataan yang mewakili sesuatu nombor, iaitu mengikut susunan rumah rendah ke rumah yang lebih tinggi dari kiri ke kanan. Ini berbeza daripada sistem istilah nombor Melayu (dan Inggeris) sekarang. Umpamanya nombor yang angka sekarang ditulis sebagai 697 adalah mewakili nombor yang diberi nama “enam ratus sembilan puluh tujuh” (Inggerisnya, *sixty hundreds and ninety seven*), tetapi mengikut sistem Melayu dahulu, yang diambil daripada sistem Sanskrit (yang kebetulannya sama dengan sistem Arab), nombor ini ialah “tujuh sembilan puluh enam ratus”. Oleh sebab angka 697 itu angka Muslim-Arab maka tidak hairanlah namanya dibaca dari kanan ke kiri mengikut rumah yang meningkat iaitu *sab'i tis'ina wa sittatun* (yang terjemahan harafiahnya, “tujuh sembilan puluh dan enam ratus”). Tulisan angka muslim ini dikekalkan oleh di seluruh dunia hingga sekarang, walaupun bacaannya telah berubah kepada bacaan dari kiri ke kanan.

Hampir semua prasasti itu mengandungi perkataan-perkataan nombor kardinal sehingga yang besar-besar yang menunjukkan orang-orang Melayu sekurang-kurangnya sejak kurun kelima Masehi sudah tahu membilang sehingga kepada ribuan malah puluh ribuan, kalau pun tidak hingga jutaan. Contohnya (selain nombor tujuh dan seribu pada prasasti Melayu tertua di Campa itu), pada prasasti Kotai di Kalimantan Timur yang dianggarkan ditulis sekitar abad ke-5M itu terdapat cerita hadiah **dua puluh ribu** ekor lembu dari raja yang bernama Mulavarman kepada para Brahminnya [Lihat Chatterji (1967)]; manakala pada prasasti Tugu, Bekasi di Jawa Barat pula terdapat cerita terusan yang dibina oleh kerajaan di situ, rajanya bernama Purnavarman, sepanjang **enam ribu satu ratus dua puluh dua danu/dhanu** (sukatan panjang zaman itu: 1 *danu/dhanu* = 4 hasta) [Lihat Chatterji (1967) lagi]; dan pada prasasti berbahasa Melayu Purba yang tertua, iaitu prasasti Bukit Kedukan, Sumatera, itu terdapat cerita seorang raja berangkat dengan **dua laksa** (1 laksa = 10 ribu) bala tenteranya [Lihat Lampiran 10].

Prasasti-prasasti yang mengandungi tulisan angka yang dapat kami temui ialah pada prasasti-prasasti yang berikut mengikut susunan tarikhnya [tahun *Syaka* = *Saka* = *S* = 78M. Sejarah tahun ini dihuraikan dengan panjang lebarnya oleh de Casparis (1978)]:


- Prasasti Kedukan Bukit (Palembang, Sumatera), 605S = 683M [Lampiran 10]
- Prasasti Sambar (Kemboja), 605S [Lampiran 11]
- Prasasti Talang Tuwo (Palembang), 606S [Lampiran 12]
- Prasasti Kota Kapur (Bangka, Sumatera), 608S [Lampiran 13]
- Prasasti Dinaya (Jawa), 682S [Lampiran 14]
- Prasasti Polengan (Yogyakarta), 797S [Lampiran 15]
- Prasasti pinggan tembaga di Randusari (Surakarta), 827S [Lampiran 16]
- Patung Gunung Tua, Tapanuli Timur (Sumatera), 946S [Lampiran 17]
- Patung Ganesa di Karangrejo Kediri (Jawa Timur), 1056S [Lampiran 18]
- Prasasti Candi Singosari/Singhasari (Jawa Timur), 1214S [Lampiran 19]
- Prasasti di pinggan tembaga Penanggungan/Penang-Gungen (Penang-Gungen) di Kretarajasa (Surabaya, Jawa), 1218S [Lampiran 20]
- Prasasti di Candi Penataran (Jawa Timur), 1291S, dan 1301S [Lampiran 21]
- Prasasti batu nisan Tralaya (Jawa Timur), 1298S, 1389S, dan 1397S [Lampiran 22]
- Prasasti Renek 1301S [Lampiran 23]
- Prasasti Ngadoman (Semarang, Jawa) 1371S [Lampiran 24]
- Prasasti batu nisan Ahmad Majanu (Pangkalan Kempas, Port Dickson), 1385S [Lampiran 25]

Berasaskan pada prasasti-prasasti yang disenaraikan di atas itu, kami dapati angka Melayu pra-Islam pun berupa angka yang direka daripada sistem yang berasaskan sepuluh dan mengandungi angka sifar dan berkedudukan seperti angka yang kita pakai sekarang (angka Muslim) dan angka Hindu Purba, walaupun simbolnya berlainan sekali (sila lihat Rajah A1 dan A2). Rajah A1 menunjukkan perkembangan angka Melayu Purba (ruang kosong bermakna tiada perubahan). Mungkin sekali ada yang berpendapat bahawa angka-angka Melayu ini berupa ubahsuaian angka-angka Hindu sepertilah dengan huruf Jawi Melayu yang berupa ubah suaian abjad Arab itu. Tetapi pandangan ini sukar diterima kerana tiada satupun angka yang serupa. Tetapi suatu yang jelasnya, sistem angka Melayu ini bertentangan dengan hipotesis kami dahulu (lihat Shaharir dan Abdul Razak, 1998) yang menjangkakan angka Melayu Purba besar kemungkinannya berasaskan lima kerana nama-nama nombornya berasaskan lima.

Kurun	sifar	satu	dua	tiga	empat	lima	enam	tujuh	lapan	sembilan
7M	o	~	3	2	5	ε	e	ū	∇	ω
13M		~	7		3				ū	
14M	7			2		3	ε	~	25,5	
Kini (Jawa)	o	7	3	2	6	9	ε	7	8	9

Rajah A1. Perkembangan Angka Melayu Sebelum Islam


Cara penulisan angka puluhan, ratusan dan seterusnya samalah seperti angka sekarang, iaitu sistem perpuluhan.



Rajah A2. Angka Hindu Purba abad ke-5M (Midonick, 1965)

Kami juga memperoleh angka dalam huruf Rencong menerusi buku Zainal Arifin Aliani *et al.* (1979) seperti yang diturunkan di bawah ini (Rajah A3). Cara penulisan angka puluhan, ratusan dan seterusnya juga sama seperti sistem sekarang, iaitu sistem perpuluhan.

sifar satu dua tiga empat lima enam tujuh lapan sembilan



Rajah A3. Angka Huruf Rencong

Selain daripada nombor dan sukatan panjang ini prasasti-prasasti itu juga menunjukkan orang-orang Melayu di Nusantara ini memiliki sukatan masa: tahun, dan bulan tersendiri. Tahun dinamai Syaka atau Saka itu, mengikut kajian sarjana, lihat de Casparis (1975), ialah nama yang berasal daripada nama seorang raja di India Selatan bernama Aji Syaka atau Saka yang hidup sekitar tahun pertama Masehi dahulu, dan tahun pertama Syaka bersamaan 78 Masehi. Bulan-bulan yang tercatat di prasasti Vieng-Sa atau Wiang Sa, di Selatan Thailand (bertarikh 697S), prasasti Canggal di Jawa Tengah (bertarikh 654S), prasasti Kedukan Bukit (bertarikh 605S) dan prasasti Dinaya (bertarikh 682S) yang transkripsi dan terjemahannya terdapat dalam Coedes dan Damais (1992) ialah bulan *Caitya* (*Chaitya*), *Caitra* (*Chaitra*), *Falgana* (*Phalgana*), *Karttika*, *Margasirsha* (*Margasirsha*), dan *Waisyaka/Vaisakha*. Aspek-aspek istilah nombor dan sukatan yang terdapat di prasasti purba akan dibicarakan dalam kesempatan lain lagi.

Penghargaan

Penulis berterima kasih kepada UKM yang memberinya bercuti sabatikal mulai 1 Mei hingga 1 Oktober, 1998 bagi membolehkan penyelidikan ini. Penulis juga berterima kasih kepada Alinor yang sentiasa membantunya dengan pantas menghantar salinan sumber-sumber rujukan yang diperlu bagi penyelidikan ini dari *United Kingdom*.

Rujukan

1. Amat Juhari Moain, *Perancangan Bahasa: Sejarah Aksara Jawi*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1996.
2. B.R. Chatterji, *History of Indonesia. Early and Medieval*, Delhi: Meenakshi Prakashan, 1967.
3. G. Coedes, Sejarah Campa, dari awal sampai tahun 1471, 1964. Dalam Abdul Rahman Al-Ahmadi, *Alam Melayu: Sejarah dan Kebudayaan Campa*. Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan Malaysia, 1988.
4. G. Coedes dan L-C Damais, *Sriwijaya: History, Religion and Language of an Early Malay Polity*, Kuala Lumpur: MBRAS, 1992.
5. J.G. de Casparis, *Indonesian Palaeography*, Leiden: Koln Brill, 1975.
6. J.G. de Casparis, *Indonesian Chronology*, Leiden: Koln Brill, 1978.
7. A.T. Gallop, *Warisan Warkah Melayu*, London: The British Library, 1994.
8. C. Hooykaas, *Perintis Sastera*, Djakarta: Wolters-Gronigen, 1951.
9. Intan, *Malaysia Kita* Kuala Lumpur: Intan, 1991.
10. Ismail Hussein, *Sejarah Pertumbuhan Bahasa Kebangsaan Kita*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1981.
11. Liang Liji, *Hubungan Empayar Melaka-Dinasti Ming abad ke-15*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 1996.
12. R.C. Majumdar, *Inscriptions of Kambuja*, Calcutta: The Asiatic Society, 1953.
13. R.C. Majumdar, *Hindu Colonies in the Far East*, Firma K.L. Mukhopadhyay, Agents, Calcutta, 1962.
14. MBRAS, G. de Eredia, *Eredia's Description of Malaca* (terjemahan manuskrip de Eredia, 1610 dalam bahasa Portugis), 1610. MBRAS, Kuala Lumpur, 1997.
15. H. Midonick, *The Treasury of Mathematics*, Vol. 1, Pelican, 1965.
16. J. Nehru, *Jawaharlal Nehru Quest*, London: Asia Pub. House, 1963.
17. Nik Hassan Shuhaimi bin Nik Abd. Rahman, Menyusuli asal-usul orang Melayu: Dari perspektif arkeologi Semenanjung Malaysia. Di dalam Nik Hassan Shuhaimi bin Nik Abd. Rahman, Mohd bin Samsudin, dan Kamaruzaman Yusoff (Pyt.). *Sejarah dan Proses Pematapan Negara-Bangsa. Prosiding Kongres Sejarah Malaysia Kedua*. Jilid II. Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia, 1998: 641-658.
18. Othman Yatim dan Halim Nasir, *Epigrafi Melayu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1990.
19. RESEAP, *Muslim Almanac. Asia Pacific*, Kuala Lumpur: Berita Pub. Sdn. Bhd., 1996.
20. N.K.A. Sastri, *History of Srivijaya*, Uni. of Madras, 1949.
21. Sejarah Melayu (*Sulalatus Salatin*), Versi A. Samad Ahmad, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1979.
22. Shaharir bin Mohamad Zain, Asal-usul Melayu dan hubungan bahasa dengan peradaban bangsa, *Jurnal Dewan Bahasa, Mac* (1992) 270-278.

23. Shaharir bin Mohamad Zain, *Pengenalan Sejarah dan Falsafah Sains*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia. Snt. Ke-2, 2000 [Snt. I: 1987, Akademi Sains Islam Malaysia].
24. Shaharir bin Mohamad Zain dan Abdul Razak bin Salleh, Sistem nombor Melayu, *Kertas kerja Kolokuium ATMA*, UKM, 1998. Sebahagiannya terbit dalam Shaharir (2000).
25. Slametmuljana, *Sriwidjaja*, Pertjetakan Arnoldus, Ende-Flores N.T.T, 1970.
26. Slametmuljana, *Kuntala, Sriwijaya dan Suwarnabhumi*, Jakarta: Yayasan Idayu, 1981.
27. A.R. Wallace, On the Physical Geography of the Malay Archipelego, *J. Royal Geographical Soc.* XXXIII (1863) 217-234.
28. Wan Hashim bin Wan Teh, *Tamadun Silam dan Pembinaan Tamadun Abad Kedua Puluh Satu*, Bangi: Penerbit UKM, 1997.
29. Y. Wheatley, *The Golden Khersonene*, Kuala Lumpur: Universiti Malaysia Press, 1966.
30. Zainal Ariffin Aliana, S. Salamah Arifin, A. Malian Erman dan Hasbi Yusuf, *Bahasa Serawai*, Jakarta: Pusat Pembinaan dan Pengembangan Bahasa, Department Pendidikan dan Kebudayaan, 1979.